JOBNAME: No Job Name PAGE: 1 SESS: 3 OUTPUT: Wed Aug 13 14:23:37 2014

Pendakwa Raya lwn Chan Chun Tat

A

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — RAYUAN JENAYAH NO 42(IP)-9–12 TAHUN 2012
UMI KALTHUM H
17 OKTOBER 2013

B

Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap pelepasan dan pembebasan — Rayuan daripada mahkamah sesyen — Kesalahan memiliki bagi apa-apa kegunaan selain daripada kegunaan persendirian dan domestik, salinan langgaran karya sastera dalam bentuk program komputer — Akta Hakcipta 1987 s 41(1)(d) — Sama ada elemen-elemen pertuduhan berjaya dibuktikan — Sama ada pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie

C

D

Satu serbuan telah dibuat ke atas sebuah kedai yang mempunyai papan tanda 'Internet De Net' ('De Net'). Responden, mengaku sebagai penjaga premis dan ini disahkan oleh juruteknik yang memberi penyelenggaraan ke atas komputer-komputer di De Net. Pegawai polis ('SP2') meminta responden memberikan *password* untuk membuka *screenlock* pada semua komputer dalam premis tersebut dan responden memberikannya. Hasil pemeriksaan mendapati bahawa kesemua komputer tersebut mempunyai perisian *War Craft III Reign of Chaos* dan *Warcraft III The Frozen Throne* ('karya-karya tersebut'). Responden telah dituduh di mahkamah sesyen atas kesalahan memiliki bagi apa-apa kegunaan selain daripada kegunaan persendirian dan domestik, dua unit salinan langgaran karya sastera dalam bentuk program komputer, iaitu suatu kesalahan di bawah s 41(1)(d) Akta Hakcipta 1987 ('Akta'). Di akhir kes pendakwaan, hakim mahkamah sesyen ('HMS') memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah gagal membuktikan satu kes prima facie ke atas responden dan responden telah dilepas dan dibebaskan. Tidak berpuas hati, pihak pendakwaan merayu agar keputusan HMS diketepikan dan agar responden diperintahkan untuk membela diri. Alasan-alasan yang dikemukakan adalah: sama ada elemen-elemen pertuduhan berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwaan di peringkat prima facie; sama ada akuan berkanun di bawah s 42 tersebut boleh diterima sebagai keterangan dokumentari disebabkan kegagalan Dr Lim ('deponen') untuk hadir memberi keterangan; dan sama ada deponen selaku pengarah Sykt Sendi Mutiara mempunyai kuasa untuk mendeposkan akuan berkanun di bawah s 42 Akta.

E

F

G

H

I

Diputuskan, membenarkan rayuan:

(1) Pihak perayu telah berjaya membuktikan elemen-elemen pertuduhan pindaan dan dengan itu, telah berjaya membuktikan suatu kes prima facie terhadap responden. Rayuan perayu dibenarkan dan keputusan

JOBNAME: No Job Name PAGE: 2 SESS: 3 OUTPUT: Wed Aug 13 14:23:37 2014

HMS diketepikan dan responden dipanggil untuk membela diri terhadap pertuduhan di hadapan HMS yang sama (lihat perenggan 25).

(2) Pihak perayu telah berjaya membuktikan responden mempunyai milikan terhadap kedua-dua salinan langgaran karya-karya tersebut. Responden merupakan penjaga premis dan ketika serbuan dijalankan, responden sedang menjalankan perniagaan. Tambahan pula responden sendiri mengakui dirinya sebagai penjaga premis tersebut. Pelanggan-pelanggan telah membuat pembayaran kepada responden semasa serbuan dan responden menerimanya (lihat perenggan 13(a), (e) & (f)).

(3) Pihak perayu telah berjaya membuktikan responden mempunyai jagaan dan kawalan ke atas salinan langgaran karya-karya tersebut. Pengetahuan responden berkenaan semua salinan langgaran dalam server komputer di premis tersebut boleh disimpulkan apabila SP2 menyatakan kedudukan *game* tersebut mudah dilihat dengan membuka *game* menu dan terus boleh lihat ikon *War Craft III*. Ini diperkukuhkan lagi dengan keterangan bahawa komputer-komputer pelanggan adalah di bawah kawalan sepenuhnya oleh komputer yang berada di kaunter di mana responden berada. Di samping itu, responden tidak mempunyai penjelasan mengenai kewujudan salinan langgaran tersebut selain menyatakan bahawa 'juruteknik yang install' (lihat perenggan 13(1) & (m)).

(4) Pihak perayu telah berjaya membuktikan elemen kegunaan selain daripada kegunaan persendirian/domestik. Perkara ini disahkan melalui carian di Suruhanjaya Syarikat Malaysia ('SSM') (lihat perenggan 14).

(5) HMS telah terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila mendapati deponen bukanlah orang yang diberi kuasa oleh Blizzard Entertainment Inc selaku tuan punya karya sastera. Deponen telah membuat akuan berkanun atas nama dan bagi pihak Sendi Mutiara. Prinsip undang-undang mantap *delegatus non protest delgare* tidak terpakai dalam pelantikan deponen bertentangan dengan yang didapati oleh HMS. Akuan berkanun tersebut adalah yang sah dan seharusnya diterima sebagai ekshibit mahkamah (lihat perenggan 21).

[English summary

A raid was carried out on a shop bearing the sign 'Internet De Net' ('De Net'). The respondent, admitted to being the keeper of the premise and this was confirmed by the technician who provided maintenance to the computers in De Net. The police officer ('SP2') asked the respondent to give the password to unlock the screenlock on all the computers in the premise and the respondent obliged. Examination results showed that all the computers were loaded with the War Craft III Reign of Chaos and Warcraft III softwares ('the said works'). The respondent was charged in the sessions court on the account of having in possession for purposes other than private and domestic use, two units of

JOBNAME: No Job Name PAGE: 3 SESS: 3 OUTPUT: Wed Aug 13 14:23:37 2014

infringing literature works in the form of computer program, which was an offence under s 41(1)(d) of the Copyrights Act 1987 ('the Act'). At the end of the prosecution's case, the sessions court judge ('SCJ') held that the prosecution had failed to establish a prima facie case against the respondent and the respondent was acquitted and discharged. Dissatisfied, the prosecution appealed for the SCJ's decision to be set aside and for the respondent to be ordered to enter defence. The grounds given were: whether the elements of the charge were successfully established by the prosecution at prima facie; whether the statutory admission under s 42 could be accepted as documentary evidence due to Dr Lim's failure ('the deponent') to appear to give testimony; and whether the deponent as the Director of Sykt Sendi Mutiara had the power to depose statutory admission under s 42 of the Act.

Held, allowing the appeal:

(1) The appellant had successfully proved the elements of the amended charge and therefore, had successfully proved a prima case against the respondent. The appellant's appeal was allowed and the SCJ's decision was set aside and the respondent was called to enter defence against the charge before the same SCJ (see para 25).

(2) The appellant had successfully proved that the respondent was in possession of the two copies of infringing works. The respondent was the keeper of the premise and when the raid took place, the respondent was carrying on the business. Furthermore, the respondent himself admitted to being the keeper of the premise. The customers had made payments to the respondent during the raid and the respondent accepted them (see para 13(a), (e) & (f)).

(3) The appellant had successfully proved that the respondent had possession and control of the infringing copies of the works. The respondent's knowledge of the infringing copies in the computer server at the premise could be inferred when SP2 stated that the position of the game could be seen by logging on the game menu and the War Craft III icon could be seen. This was supported by the evidence that the customers' computers were under full control by a computer which was at the counter where the respondent was. In addition to that, the respondent did not have any explanation on the existence of the infringing copies aside from mentioning that it was the technician who installed it (see para 13(1) & (m)).

(4) The appellant had successfully proved the elements of use aside from private/domestic use. This matter was confirmed by a search at the Companies Commission of Malaysia ('CCM') (see para 14)

(5) The SCJ erred in facts and in law in finding that the deponent was not person who was given the power by Blizzard Entertainment Inc as the

JOBNAME: No Job Name PAGE: 4 SESS: 3 OUTPUT: Wed Aug 13 14:23:37 2014

owner of the literature works. The deponent had made a statutory admission under the name and on behalf of Sendi Mutiara. The trite law principle of *delegates non protest delgrae* was no applicable in the appointment of the deponent, in contradiction with what was found by the SCJ. The statutory admission was legitimate and should be accepted as the court's exhibit (see para 21).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai rayuan terhadap pelepasan dan pembebasan, lihat 5(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2014 Reissue) perenggan 214–219.

Kes-kes yang dirujuk

PP v Abdul Rahman Akif [2007] 5 MLJ 1; [2007] 4 CLJ 33, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Hakcipta 1987 ss 41(1), 41(1)(d), 42(1), 42(1)(a)(i), (ii), (iii), 42(2)
Akta Keterangan 1950 ss 32, 114(g)
Akta Syarikat 1965

Rayuan daripada: Kes No 62–76–1 Tahun 2012 (Mahkamah Sesyen (Harta Intelek), Kuala Lumpur)

Faizul Aswad bin Masri (Khairul Fikrie bin Ahmad Zubaidi bersamanya) (Timbalan Pendakwa Raya, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri) bagi pihak perayu.

S Kulasegaran (S Kula & Co) bagi pihak responden.

Umi Kalthum H:

RAYUAN

[1] Pendakwa raya/perayu ('PR') telah merayu terhadap keputusan hakim Mahkamah Sesyen (Harta Intelek) Kuala Lumpur ('HMS') yang diberi pada 20 Disember 2012 yang memerintahkan responden dilepaskan dan dibebaskan terhadap kesalahan di bawah s 41(1) Akta Hakcipta 1987 ('Akta tersebut').

PERTUDUHAN PINDAAN

[2] Responden telah dituduh atas kesalahan seperti dalam pertuduhan pindaan seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 26 Julai 2011 jam lebih kurang 12.45 tengahari di premis De Net, 2-00-33 D Alamanda Condo, Jalan Pudu Impian, 56100, dalam daerah Cheras, di dalam negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah didapati memiliki bagi apa-apa kegunaan selain daripada kegunaan persendirian dan

JOBNAME: No Job Name PAGE: 5 SESS: 3 OUTPUT: Wed Aug 13 14:23:37 2014

domestic 2 (dua) unit salinan langgaran karya sastera dalam bentuk program computer (permainan komputer) seperti berikut:

Tajuk	Pemilik Hakcipta	Bilangan Salinan Langgaran
1. Warcraft III — The Frozen Throne -	Blizzard Entertainment, Inc	1 Unit
2. Warcraft III — Reign of Chaos	Blizzard Entertainment, Inc	1 Unit

tatkala hak cipta wujud dan masih wujud bagi karya tersebut dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah Seksyen 41(1)(d) Akta Hakcipta 1987 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 41(1)(i) Akta yang sama.

RINGKASAN FAKTA KES

[3] Pada 26 Julai 2011, SP1 dan sepasukan anggota serbuan bersama SP2, yang merupakan salah seorang wakil dari Sykt Sendi Mutiara Multimedia Sdn Bhd ('Sendi Mutiara'), telah bergerak ke lokasi kejadian, iaitu di sebuah bangunan kedai yang mempunyai papan tanda 'Internet De Net'. SP1 dan pasukannya telah masuk ke dalam premis tersebut dan menuju ke kaunter di mana responden sedang berada di dalam kaunter tersebut.

[4] SP1 memperkenalkan dirinya sebagai polis kepada responden. Responden pada masa itu mengakui beliau adalah penjaga premis tersebut. SP1 mengesahkan pelanggan-pelanggan ada datang ke kaunter itu untuk membuat bayaran kepada responden di mana terdapat komputer untuk 'billing system'. SP1 juga mengesahkan semasa serbuan itu terdapat lebih kurang sepuluh pelanggan dan dianggarkan sebanyak 46 buah computer berada di atas meja beserta dengan *keyboard*, dan ada pelanggan yang sedang menggunakan komputer tersebut semasa serbuan dibuat.

[5] SP2 telah meminta responden memberikan *password* untuk membuka *screen lock* pada semua komputer dalam premis tersebut dan responden telah memberikan *password* itu bagi tujuan SP2 mengakseskan semua komputer dalam premis tersebut.

[6] Hasil pemeriksaan ke atas 44 buah komputer dalam premis tersebut mengesahkan semua komputer tersebut terdapat perisian *War Craft III Reign of Chaos* dan *Warcraft III The Frozen Throne* ('karya-karya tersebut'); manakala dua buah lagi komputer didapati tidak berfungsi dan rosak.

[7] SP3 mengesahkan bahawa Sykt Sendi Mutiara adalah satu-satunya ejen yang dilantik di Malaysia untuk memberikan lesen *cybercafe* yang boleh

JOBNAME: No Job Name PAGE: 6 SESS: 3 OUTPUT: Wed Aug 13 14:23:37 2014

menggunakan perisian permainan komputer yang dikeluarkan oleh Blizzard Entertainment Inc ('Blizzard').

[8] SP6 merupakan juruteknik dan perniagaan De Net adalah merupakan salah seorang pelanggannya. SP6 mengesahkan beliaulah yang memberi penyelenggaraan (*maintenance*) dan baik pulih komputer serta membuat sistem dalam De Net. SP6 telah mengesahkan responden adalah pemilik perniagaan tersebut dan hanya SP6 dan responden sahaja mengetahui berkenaan *password* akses kepada server. SP6 menyatakan dia tidak pernah memasukkan kedua-dua perisian permainan tersebut ke dalam komputer-komputer itu.

[9] SP9 telah menjalankan analisa terhadap perisian komputer-komputer itu dan hasil analisanya SP9 telah mengesahkan terdapat kedua-dua perisian karya-karya tersebut dalam komputer-komputer itu yang kemudiannya dirampas dari responden. SP9 juga telah mengesahkan permainan *game* tersebut boleh dimainkan berdasarkan hasil simulasi yang telah dijalankan oleh SP9.

[10] Di akhir kes pendakwaan HMS telah memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah gagal membuktikan satu kes prima facie ke atas responden dan responden telah dilepas dan dibebaskan. Atas keputusan itu pihak PR merayu supaya keputusan HMS itu diketepikan dan responden diperintah untuk membela diri terhadap pertuduhan pindaan itu.

ALASAN/ISU UTAMA MEMBUAT RAYUAN

[11] PR telah membangkitkan tiga alasan/isu utama seperti berikut:

(a) sama ada elemen-elemen pertuduhan telah berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwaan di peringkat kes prima facie (petisyen rayuan perenggan 3.1–3.4 dan 3.11);

(b) sama ada akuan berkanun di bawah s 42 Akta tersebut boleh diterima sebagai keterangan dokumentari disebabkan kegagalan deponen (Dr Lim Mok Guan) untuk hadir memberi keterangan (petisyen rayuan perenggan 3.5–3.6 dan 3.9); dan

(c) sama ada deponen (Dr Lim Mok Guan) selaku pengarah sykt Sendi Mutiara mempunyai kuasa untuk mendeposkan akuan berkanun di bawah s 42 Akta tersebut.

ELEMEN-ELEMEN PERTUDUHAN

[12] Bagi pertuduhan pindaan tersebut, pihak pendakwaan perlulah membuktikan elemen-elemen berikut:

JOBNAME: No Job Name PAGE: 7 SESS: 3 OUTPUT: Wed Aug 13 14:23:37 2014

(a) responden mempunyai milikan terhadap kedua-dua salinan langgaran karya sastera seperti dalam pertuduhan pindaan;

(b) salinan langgaran tersebut adalah selain daripada untuk kegunaan persendirian dan domestik;

(c) hak cipta bagi karya-karya tersebut wujud dan dituntut oleh tuan punya hak cipta; dan

(d) salinan karya-karya tersebut adalah salinan langgaran.

RESPONDEN MEMPUNYAI MILIKAN

[13] Saya dapati pihak perayu telah berjaya membuktikan responden mempunyai milikan terhadap kedua-dua salinan langgaran karya-karya tersebut itu berdasarkan fakta dan keterangan berikut:

(a) responden merupakan penjaga premis De Net, di 2-00-33 D Alamanda Condo Jalan Pudu Impian, 56100 Cheras, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ('premis tersebut') iaitu tempat kejadian. Semasa serbuan polis dijalankan, responden sedang menjalankan perniagaan;

(b) SP1 mengesahkan semasa serbuan dilakukan responden berada berseorangan di kaunter di bahagian hadapan kedai;

(c) SP1 juga mengesahkan semasa serbuan itu premis tersebut sedang dibuka untuk perniagaan dan terdapat lebih kurang sepuluh pelanggan yang berada dalam premis tersebut;

(d) keterangan SP1 disokong oleh keterangan SP2, yang mengesahkan semasa serbuan itu terdapat pelanggan dalam premis tersebut yang sedang melayari internet di komputer;

(e) pelanggan-pelanggan tersebut telah membuat pembayaran kepada responden semasa serbuan itu. SP1 mengesahkan responden telah menerima bayaran daripada pelanggan-pelanggan itu dan bahawa responden sendiri telah menyimpan wang bayaran itu ke dalam laci di kaunter itu;

(f) responden sendiri telah mengaku kepada SP1 semasa SP1 masuk ke dalam premis tersebut bahawa responden adalah penjaga premis tersebut;

(g) SP1 menyatakan di kaunter tempat responden berada terdapat sebuah komputer yang mengawal 'billing system' yang mengawal semua komputer pelanggan dalam premis tersebut. Keterangan SP1 ini disokong oleh SP2, yang merupakan wakil dari sykt Sendi Mutiara;

(h) SP2 telah meminta responden untuk memberikan *password* kepadanya untuk membolehkan SP2 mengakses semua komputer dalam premis

JOBNAME: No Job Name PAGE: 8 SESS: 3 OUTPUT: Wed Aug 13 14:23:37 2014

tersebut. Mengikut SP2, responden telah memberikannya *password* itu. Ini menunjukkan bahawa responden adalah penjaga premis tersebut dan dengan kewujudan komputer 'billing system' itu bahawa beliaulah yang mempunyai jagaan serta kawalan ke atas premis tersebut pada masa kejadian;

(i) SP6, yang merupakan juruteknik yang memberi perkhidmatannya kepada responden sebagai pelanggannya, telah memberi keterangan sokongan bahawa responden adalah pemilik premis tersebut;

(j) SP7 merupakan pegawai penyiasat kes ini. Beliau telah membuat carian Suruhanjaya Syarikat Malaysia ('SSM') terhadap perniagaan De Net. Carian SSM adalah dalam bentuk P20 di mana responden merupakan salah seorang dari dua orang pekongsi perkongsian itu. Namun, berdasarkan keterangan SP6, SP6 menyatakan bahawa responden adalah pemilik premis tersebut serta perniagaan itu dan bahawa beliau bekerja di bawah responden sebagai juruteknik bagi premis tersebut, saya berpendapat bahawa keterangan SP6 itu boleh diterima dan membuktikan selanjutnya bahawa responden adalah pemilik premis dan perniagaan tersebut bagi maksud pertuduhan pindaan ini;

(k) mengikut SP2, setiap komputer pelanggan tidak mempunyai *hard disc* dan tiada data disimpan dalam komputer pelanggan itu. Semua sistem dan permainan disimpan dalam server P21 yang diletakkan dalam sebuah bilik bersebelahan tandas dalam premis tersebut. Saya ambil maklum server P21 telah pun diterima sebagai ekshibit mahkamah dan sepatutnya masih dalam simpanan mahkamah. Server tersebut disambungkan kepada semua komputer pelanggan melalui *network cable*. Apabila SP2 bertanyakan responden tentang *password* server tersebut, responden menyatakan beliau tidak tahu dan hanya *technician* sahaja yang mengetahuinya. Namun, *technician* yang berkenaan, iaitu, SP6, telah menyatakan bahawa responden dan SP6 sahaja yang mengetahui *password* itu. SP6 mengesahkan beliau tidak pernah memasukkan perisian *game Warcraft III* itu ke dalam server tersebut pada bila-bila masa, termasuk pada tarikh 23 Julai 2011 (yang merupakan tarikh di mana kedua-dua perisian *War Craft III Reign of Chaos* dan *Warcraft III The Frozen Throne* dimasukkan ke dalam server). SP6 menyatakan beliau tidak pernah datang untuk membaik pulih server itu pada 23 Julai 2011. Ini menunjukkan responden lah yang mempunyai akses kepada server itu dan mengetahui *password* server tersebut. Di sini saya menolak hujahan pihak responden bahawa memandangkan tiada *hard disk* yang mengandungi karya-karya tersebut dikemukakan ke dalam mahkamah maka *inferens* yang menentang di bawah s 114(g) Akta Keterangan 1950 terpakai terhadap kes perayu. Bagi saya adalah memadai bagi pihak perayu membuktikan karya-karya tersebut memang berada dalam *hard disk* dalam server itu apabila server itu dimainkan;

JOBNAME: No Job Name PAGE: 9 SESS: 3 OUTPUT: Wed Aug 13 14:23:37 2014

(l) berdasarkan keterangan-keterangan tersebut di atas, ia jelas menunjukkan bahawa responden merupakan pemilik premis tersebut dan beliaulah yang menjaga premis tersebut. Pengetahuan responden berkenaan semua salinan langgaran dalam server komputer di premis tersebut boleh di'infer'kan apabila SP2 menyatakan kedudukan *game* tersebut mudah dilihat dengan membuka *game* menu dan terus boleh lihat ikon *War Craft III* (lihat *Public Prosecutor v Abdul Rahman Akif* [2007] 5 MLJ 1; [2007] 4 CLJ 33 (MP)). Ini diperkukuhkan lagi dengan keterangan bahawa komputer-komputer pelanggan adalah di bawah kawalan sepenuhnya oleh komputer yang berada di kaunter di mana responden berada. Malah, pada masa serbuan terdapat komputer-komputer pelanggan itu dalam keadaan terpasang di mana pelanggan sedang menggunakan komputer-komputer itu. Di samping yang sama, responden tidak mempunyai apa-apa penjelasan berkenaan kewujudan salinan langgaran tersebut, selain menyatakan 'juruteknik yang install', di mana SP6 telah menafikannya (lihat *Public Prosecutor v Abdul Rahman Akif*). Oleh itu saya setuju dengan hujahan TPR yang bijaksana bahawa kewujudan salinan langgaran dalam server di mana tiada sesiapa selain dari responden yang mempunyai akses kepada server itu tanpa sebarang penjelasan yang berlogik akan mewujudkan satu *inferens* kuat bahawa responden mengetahui tentang salinan langgaran itu; dan

(m) dengan itu saya dapati pihak perayu telah berjaya membuktikan responden mempunyai jagaan, kawalan dan pengetahuan berkenaan kewujudan salinan langgaran karya-karya tersebut itu dalam server yang boleh diakses oleh semua komputer pelanggan dalam premis tersebut dan dengan itu juga, pihak perayu telah berjaya membuktikan responden telah memiliki salinan langgaran itu.

KEGUNAAN SELAIN DARIPADA KEGUNAAN PERSENDIRIAN/ DOMESTIK

[14] Pihak perayu telah juga berjaya membuktikan elemen ini melalui keterangan-keterangan SP1, SP2, SP6 dan SP7 bahawa responden menjalankan perniagaan di premis tersebut. Perkara ini disahkan melalui carian SSM (P18) di mana responden merupakan salah seorang pemilik perniagaan De Net itu dan juga dengan kehadiran lebih kurang sepuluh orang pelanggan di premis tersebut serta begitu banyak komputer, iaitu 44 buah komputer, yang boleh memainkan salinan langgaran itu.

JOBNAME: No Job Name PAGE: 10 SESS: 3 OUTPUT: Wed Aug 13 14:23:37 2014

A KEWUJUDAN HAK CIPTA TERHADAP KARYA-KARYA TERSEBUT DAN DITUNTUT OLEH TUAN PUNYA HAK CIPTA

[15] Bagi maksud membuktikan elemen ini pihak perayu telah bergantung kepada peruntukan s 42 Akta tersebut yang memperuntukkan seperti berikut:

> 42. (1) An affidavit, certified extracts of the Register of Copyright referred to in section 26B or statutory declaration made before any person having authority to administer oath by or on behalf of any person claiming to be —
>
> (a) the owner of the copyright in any works eligible for copyright under this Act stating that —
>
> (i) at the time specified herein copyright subsisted in such work;
>
> (ii) he or the person named therein is the owner of the copyright; and
>
> (iii) a copy of the work annexed thereof is the true copy thereof, or
>
> ...
>
> shall be admissible in evidence any proceedings under this Act and shall be *prima facie* evidence of the facts contained therein
>
> (2) Any person who is authorized to act on behalf of the owner of the copyright or performer for the purposes of subsection (1) shall be required to produce such authorization in writing.

Adalah hujahan pihak perayu bahawa kehendak s 42(1)(a)(i), (ii), (iii) telah pun dipenuhi di mana pihak perayu telah mengemukakan keterangan-keterangan berikut:

(a) surat kuasa (*letter of authorisation*) daripada pemilik karya-karya tersebut (iaitu Blizzard) kepada Sendi Mutiara dikemukakan bersama akuan berkanun;

(b) pada masa kejadian hak cipta dalam kedua-dua karya-karya tersebut telah wujud;

(c) nama tuan punya hak cipta itu, iaitu Blizzard, juga dinyatakan dalam akuan berkanun; dan

(d) salinan asal karya juga disertakan bersama akuan berkanun itu. Maka apabila kesemua keperluan s 42 telah dipenuhi oleh pihak perayu, afidavit tersebut adalah keterangan 'prima facie' dan 'admissible in evidence in any proceedings under the Act'.

[16] Adalah dihujahkan selanjutnya bahawa s 42(1) Akta tersebut tidak menyatakan keperluan untuk memanggil pembuat akuan berkanun untuk hadir memberi keterangan dengan mengemukakan surat kuasa tersebut. Bahawa s 42 itu mengecualikan penggunaan Akta Keterangan 1950, yang menghendaki pembuat dokumen hadir di mahkamah untuk mengesahkan

JOBNAME: No Job Name PAGE: 11 SESS: 3 OUTPUT: Wed Aug 13 14:23:37 2014

dokumen yang dibuat. Seksyen 42 merupakan peruntukan spesifik dan terpakai bagi pembuktian elemen kewujudan hak cipta dalam kes di bawah Akta tersebut dan maxim 'generalia specialibus non derogant' terpakai. Oleh itu dihujahkan pemanggilan pembuat dokumen di bawah peruntukan am s 32 Akta Keterangan tidak diperlukan. Sekiranya pemilik hak cipta ataupun wakilnya masih dikehendaki hadir di mahkamah untuk memberi keterangan maka ini adalah bercanggah dengan hasrat Parlimen sewaktu undang-undang digubalkan.

[17] Akuan berkanun Dato' Dr Lim Mok Guan ('Dato' Lim') ('akaun berkanun') beserta dengan lampiran-lampirannya yang terdiri daripada *Letter of Authorisation to Act* ('LOA'), *Power of Attorney* ('PA'), dan salinan sah karya-karya tersebut telah dikemukakan kepada mahkamah melalui keterangan SP7 dan ditandakan sebagai 'identification document' ID19, ID19A, ID19B dan ID19C masing-masingnya. Puan HMS yang bijaksana telah enggan menandakan *identification document* tersebut kerana pihak perayu gagal memanggil pembuat ID19, iaitu Dato' Lim, sebagai saksi pendakwaan untuk memberi keterangan lisan di mahkamah bagi membuktikan elemen pertuduhan yang ketiga dan keempat itu. Oleh itu Puan HMS telah mendapati pihak pendakwaan telah gagal membuktikan elemen ketiga dan keempat pertuduhan pindaan itu. Puan HMS, selain daripada alasan Dato' Lim tidak dipanggil sebagai saksi pihak pendakwaan, telah mendapati Dato' Lim tidak mempunyai apa-apa kuasa di bawah sub-s 42(2) Akta tersebut untuk mendepos akuan berkanun ID19 kerana Dato' Lim bukanlah orang yang diberi kuasa untuk Blizzard selaku tuan punya karya-karya sastera itu. Bahawa Blizzard hanya memberikan kuasanya kepada Sendi Mutiara untuk bertindak selaku wakil pengedar (*sub-distributor*) kepada Blizzard. Dengan itu Sendi Mutiara tidak boleh turunkan kuasa itu kepada sesiapa pun termasuk Dato' Lim. Maka oleh itu Puan HMS telah tidak ambil kira sebagai keterangan yang boleh diterima ID19, ID19A, ID19B dan ID19C dan yang tidak terjumlah kepada keterangan prima facie seperti yang dimaksudkan di bawah sub-s 42(1).

[18] Blizzard adalah didakwa tuan punya hak cipta terhadap karya-karya tersebut di bawah peruntukan Peraturan-Peraturan Hakcipta (Pemakaian Bagi Negara-Negara Lain) 1990 [PU(A) 314/1990, PU(A) 340/1990]. Melalui PA itu, Blizzard telah melantik Sendi Mutiara sebagai sub-pengedar dan ejennya di Malaysia. Blizzard juga telah memberi kuasa-kuasa kepada Sendi Mutiara antaranya, seperti berikut:

> ... BLIZZARD grants SMM [iaitu Sendi Mutiara] the authority to take legal action, against any person or legal entity (including manufacturers, retailers, wholesalers, cybercafes, internet cafes and the entities described above), for the illegal and unauthorized reproduction, modification, distribution, use, installation, possession or hiring or imports into Malaysia otherwise than for private and domestic use of

JOBNAME: No Job Name PAGE: 12 SESS: 3 OUTPUT: Wed Aug 13 14:23:37 2014

A the Products (in any form, manner, transient or permanent, media or storage medium whether stored in cd, dvd, hard disk, server, network, pen-drive or like devices) within Malaysia, including but not limited to violations of all relevant laws, Acts, statutes or codes ... in connection with both civil and criminal actions ... and to be eligible to exercise powers, as follows:

B 1 ...

2 ...

3 To appoint or revoke the appointment of lawyers, sub-agents or sub-grantees and to conduct legal procedure for the completion of the C objects of this Power of Attorney.

4 To exercise the powers granted herein with respect to the Products listed below which are produced and published by BLIZZARD and BLIZZARD is the owner of the copyrights subsisting therein:

D

Title of Copyright Works	Date of Completion	Date of First Publication	Place of First Publication
WARCRAFT3: REIGN OF CHAOS	2002	2002	United States of America
E WARCRAFT3: FROZEN THRONE	2003	2003	United States of America

...

F Sendi Mutiara merupakan syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965. Untuk menjalankan tanggungjawabnya di bawah PA itu, Sendi Mutiara perlulah melantik seseorang untuk melakukannya, baik seseorang itu sebuah syarikat, orang perseorangan dan sebagainya seperti yang termaktub dalam PA yang dipetik di atas. Berikutan peruntukan PA itu, Sendi Mutiara telah G meluluskan 'Circular Resolution' bertarikh 28 Februari 2011 (yang dilampirkan bersama-sama dengan LOA) untuk memberi kuasa-kuasa kepada Encik Chan Kong Ming, seorang pengarah Sendi Mutiara, mengeluarkan LOA kepada Dato' Lim, yang merupakan seorang pengarah syarikat yang sama, untuk antaranya:

H

... [2] To examine, procure and collate all evidence and to execute, affirm, attest, swear and sign all documents including any Affidavits and Statutory Declarations under any appli*cable* laws including the Copyright Act 1987, Trade Descriptions Act 1972, as the case may be, and to give evidence for and on our behalf in any court of law, tribunal and authorities in Malaysia if required and to take such necessary I action and steps to enforce and to assist in the enforcement and execution of any action, decision or judgment or claim in our or our publishers' name and favour by reason of the result/outcome in any legal proceedings or ortherwise; (3) To exercise all such powers and authority granted to us by the aforesaid Power of Attorney and any act performed by you by virtue of this authorization shall be deemed to have

JOBNAME: No Job Name PAGE: 13 SESS: 3 OUTPUT: Wed Aug 13 14:23:37 2014

been made and performed by us in all respects or otherwise shall have the same effect as if it has been performed by us.

[19] Encik Chan Kong Ming, bagi pihak dan atas nama Sendi Mutiara telah mengeluarkan LOA itu kepada Dato' Lim berdasarkan 'Circular Resolution' Sendi Mutiara, di mana LOA itu dengan jelas menyatakan di perenggan satu:

> By virtue of the powers vested in us by the Power of Attorney dated 24.9.2010 granted to us by Blizzard Entertainment Inc of 16125 Parkway, Irvine, California 92618, USA, as evinced and registered at the High Court of Malaya in Kuala Lumpur, We *DO HEREBY AUTHORIZE* you to do, for and our behalf and in our name, the following:

[20] Berikutan LOA itu, Dato' Lim telah membuat akuan berkanun bagi pihak Sendi Mutiara, di mana (di perenggan 3) dinyatakan Blizzard telah memberi kuasa sepenuhnya kepada 'syarikat saya' untuk membuat akuan berkanun itu bagi pihak Blizzard. PA itu dilampirkan bersama-sama akuan berkanun itu. Akuan berkanun itu seterusnya menyatakan perkara-perkara tentang pelantikan Sendi Mutiara sebagai pengedar Blizzard di Malaysia, bahawa Blizzard adalah pemilik dan tuan punya sah hak cipta, di bawah Akta tersebut, yang terletak pada perisian/program komputer, iaitu karya-karya tersebut, yang adalah karya sastera dan/atau karya seni yang terlindung dan dilindungi di bawah Akta tersebut. Bahawa hak cipta wujud bagi karya-karya tersebut pada semua masa material dan sesalinan asal karya-karya tersebut dilampirkan bersama-sama akuan berkanun tersebut.

[21] Saya telah membentangkan dengan panjang lebar fakta-fakta yang perlu dan berkaitan bagi mengetahui kedudukan sah atau tidak sah akuan berkanun itu bagi maksud s 42 Akta tersebut. Berdasarkan fakta-fakta tersebut saya bersetuju dengan hujahan perayu bahawa HMS telah terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila mendapati Dato' Lim tidak mempunyai apa-apa kuasa di bawah sub-s 42(2) untuk mendeposkan akuan berkanun ID19 itu memandangkan Dato' Lim bukanlah orang yang diberi kuasa oleh Blizzard selaku tuan punya karya sastera itu. Dato' Lim telah membuat akuan berkanun itu atas nama dan bagi pihak Sendi Mutiara. PA itu pula telah memberikan kepada Sendi Mutiara sebagai sub-pengedarnya dan untuk mengambil tindakan-tindakan yang dinyatakan sebelum ini dan telah juga membolehkan Sendi Mutiara melantik mana-mana peguam, sub-ejen atau *sub-grantees* untuk menjalankan apa-apa prosedur perundangan ke atas produk Blizzard. Maka dengan itu pelantikan Dato' Lim oleh Sendi Mutiara atas nama dan bagi pihak Sendi Mutiara telah menepati PA itu dan tidak bercanggah dengan peruntukan s 42 Akta tersebut. Prinsip undang-undang mantap *delegatus non potest delegare* tidak terpakai dalam pelantikan Dato' Lim bertentangan dengan yang didapati oleh Puan HMS. Dengan itu juga saya dapati akuan berkanun itu adalah yang sah beserta LOA, dan PA dan salinan

JOBNAME: No Job Name PAGE: 14 SESS: 3 OUTPUT: Wed Aug 13 14:23:37 2014

asal karya-karya tersebut itu bagi maksud ss 42(1) dan (2) Akta tersebut dan seharusnya diterima sebagai ekshibit mahkamah dan saya perintahkan ekshibit-ekshibit itu ditanda sebagai P19, P19A, P19B, P19C masing-masingnya.

[22] Memandangkan akuan berkanun itu sekarangnya diterima masuk sebagai ekshibit mahkamah, pemanggilan Dato' Lim sebagai saksi pihak pendakwaan tidak diperlukan kerana akuan berkanun itu 'shall be admissible in evidence any proceedings under this Act and shall be prima facie evidence of the facts contained therein' di bawah sub-s 42(1).

[23] Oleh yang demikian saya dapati pihak perayu/pendakwaan telah berjaya membuktikan elemen ketiga pertuduhan pindaan.

SALINAN KARYA-KARYA TERSEBUT ADALAH SALINAN LANGGARAN

[24] Saya juga dapati pihak perayu telah berjaya membuktikan elemen keempat pertuduhan pindaan itu berdasarkan fakta/keterangan berikut:

(a) SP2 mengesahkan bahawa semasa pemeriksaan dijalankan di premis tersebut ke atas kesemua 44 komputer yang bersambung dengan server (P21) mempunyai karya-karya tersebut;

(b) SP2 mengesahkan bahawa kedua-dua permainan/karya-karya tersebut boleh dimainkan dengan baik di 44 komputer itu;

(c) SP3 mengesahkan berdasarkan perniagaan De Net ianya tidak pernah memegang lesen untuk menggunakan kedua-dua permainan itu. Mengikut SP3, mana-mana perniagaan *cyber cafe* yang ingin menggunakan karya-karya tersebut perlu mendapat lesen daripada Sendi Mutiara yang dilantik sebagai pengedar/ejen Blizzard di Malaysia. Memandangkan tiada lesen dikeluarkan kepada responden untuk menggunakan karya-karya tersebut, ini menunjukkan bahawa kedua-dua permainan/karya-karya tersebut dalam server P21 itu adalah merupakan salinan langgaran; dan

(d) keterangan SP3 disokong dengan keterangan SP1 yang mengesahkan bahawa ketika serbuan SP1 dilakukan, SP1 telah bertanyakan responden sama ada responden mempunyai lesen untuk menggunakan karya-karya tersebut, responden telah gagal menunjukkan lesen.

KESIMPULAN

[25] Memandangkan bahawa saya telah dapati pihak perayu telah berjaya membuktikan elemen-elemen pertuduhan pindaan itu, saya dengan itu dapati

JOBNAME: No Job Name PAGE: 15 SESS: 3 OUTPUT: Wed Aug 13 14:23:37 2014

pihak perayu telah berjaya membuktikan suatu kes prima facie terhadap responden dan dengan itu, saya membenarkan rayuan perayu dan mengenepikan keputusan Puan HMS, dan pesponden/tertuduh dipanggil untuk membela dirinya terhadap pertuduhan pindaan itu di hadapan Puan HMS yang sama.

Rayuan dibenarkan.

Reported by Afiq Mohamad Noor